




KERAJAAN MALAYSIA

***Master Service Agreement* Di antara
Kerajaan Malaysia Dengan Kumpulan Ikram Sdn
Bhd Berkaitan Perkhidmatan Kejuruteraan
Forensik (Cerun & Struktur Berkaitan Cerun)**

KANDUNGAN

KAEDAH PEROLEHAN KERAJAAN	3
PK 2.2 <i>Master Service Agreement</i> Kerajaan Malaysia Dengan Kumpulan Ikram Sdn Bhd Berkaitan Perkhidmatan Kejuruteraan Forensik (Cerun & Struktur berkaitan cerun).....	3
1. Sumber Pembiayaan	3
2. Maklumat Syarikat Yang Dilantik dan Skop Perkhidmatan	3
3. Tempoh Kuat Kuasa <i>Master Service Agreement</i>	5
4. Kebenaran Akses ke Tapak Oleh Agensi.....	5
5. Kadar Bayaran Bagi Perkhidmatan KISB.....	5
6. Surat Pelawaan	6
7. Inden Kerja bagi pelaksanaan perkhidmatan kejuruteraan forensik (cerun & struktur berkaitan cerun).....	6
8. Pelantikan Pengarah Projek dan Wakil Pengarah Projek bagi Pihak Agensi untuk Mengeluarkan Arahan atau Mengawal selia Perkhidmatan KISB	6
9. Tanggungjawab Pengarah Projek dan Wakil Pengarah Projek	7
10. Arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Projek atau Wakil Pengarah Projek	7
11. Penyerahan sepenuh atau sebahagian skop perkhidmatan oleh KISB kepada pihak ketiga (<i>subcontracting</i>)	7
12. Pentadbir MSA	7
13. Proses pelaksanaan perkhidmatan kejuruteraan forensik (cerun & struktur berkaitan cerun) oleh KISB.....	8
14. Perkhidmatan reka bentuk	10
15. Pertukaran atau Penggantian Kakitangan KISB	11
16. Laporan Penilaian Prestasi Perkhidmatan KISB oleh Agensi.....	11
17. Laporan, dokumen, maklumat dan rekod (<i>Deliverables</i>).....	12
18. Penyeliaan tapak.....	12
19. Menahan Daripada Membuat Bayaran Kepada KISB.....	12
20. Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (<i>Liquidated and Ascertained Damages - LAD</i>)	12
21. Lanjutan masa perkhidmatan	13

22. Penangguhan dan penyambungan semula perkhidmatan (<i>suspension and resumption of services</i>)	13
23. Penamatan perkhidmatan KISB.....	13
24. Invois dan Terma Bayaran	14
25. Pertikaian di antara Kerajaan dengan KISB	14
26. Perkhidmatan KISB setelah <i>Master Service Agreement</i> Tamat.....	15
LAMPIRAN	16

KAEDAH PEROLEHAN KERAJAAN

PK 2.2 Master Service Agreement Kerajaan Malaysia Dengan Kumpulan Ikram Sdn Bhd Berkaitan Perkhidmatan Kejuruteraan Forensik (Cerun & Struktur berkaitan cerun)

1. Sumber Pembiayaan

- 1.1. Semua Kementerian, Jabatan, Institut, Suruhanjaya, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun (Agensi) yang diberi peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan sama ada melalui geran atau pinjaman dan sama ada pembiayaan sepenuhnya atau sebahagian daripada kos projek/perbelanjaan, tidak kira Agensi mana yang melaksanakan projek atau melakukan perbelanjaan, adalah tertakluk kepada pemakaian pekeling ini.

2. Maklumat Syarikat Yang Dilantik dan Skop Perkhidmatan

- 2.1. Kumpulan Ikram Sdn. Bhd. (KISB) telah dilantik oleh Kerajaan dan diberi *Right of First Refusal* (ROFR) untuk melaksanakan **skop perkhidmatan kejuruteraan forensik (cerun & struktur berkaitan cerun) termasuk penyeliaan tapak bagi projek fizikal yang melibatkan:**
 - 2.1.1. **Cerun**
mana-mana permukaan tanah yang melebihi kecuraman lima belas (15) darjah dan purata ketinggian melebihi tiga (3) meter yang diukur daripada aras kaki cerun (*toe level*).
 - 2.1.2. **Struktur berkaitan cerun (*slope associated structures*)**
mana-mana struktur yang terdapat pada cerun yang berfungsi sebagai penstabil cerun seperti *soil nail*, dinding penahan (*retaining wall*), soil anchor dan sebagainya.
 - 2.1.3. **Struktur berdekatan yang terlibat (*slopes affected structures*)**
mana-mana struktur yang terkesan disebabkan kegagalan cerun. Contohnya ialah pagar perimeter di atas cerun, bangunan di lereng bukit, tangki simpanan air, utiliti bawah tanah, sistem perparitan dan lain-lain lagi.
 - 2.1.4. **Perkhidmatan lain-lain termasuk ujian di lapangan dan makmal yang diperlukan bagi perkhidmatan kejuruteraan forensik (cerun & struktur berkaitan cerun).**

- 2.2. Perkhidmatan kejuruteraan forensik (cerun & struktur berkaitan cerun) oleh KISB seperti di **perenggan 2.1** di atas adalah **meliputi semua kegagalan cerun di seluruh Malaysia kecuali:**
- 2.2.1. Semua jalan Persekutuan di Malaysia;
 - 2.2.2. Semua kontrak Kerajaan yang mempunyai skop perkhidmatan kejuruteraan forensik yang sedang berkuat kuasa ketika pekeliling ini dikeluarkan sehingga kontrak tersebut tamat. Setelah kontrak berkenaan tamat, Agensi adalah tertakluk kepada pemakaian pekeliling ini;
 - 2.2.3. Semua jalan bertol di bawah perjanjian konsesi penswastan; dan
 - 2.2.4. Projek-projek pembangunan baharu yang masih dalam peringkat pembinaan yang belum diserahkan kepada Agensi.
- 2.3. **Kerja fizikal untuk sebarang projek berkaitan cerun adalah di luar skop KISB dan perolehan tersebut hendaklah dilaksanakan oleh Agensi mengikut tatacara perolehan semasa yang sedang berkuat kuasa.**
- 2.4. Maklumat KISB adalah seperti berikut :
- 2.4.1. KISB adalah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan nombor pendaftaran adalah 360785-A;
 - 2.4.2. KISB adalah berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dengan nombor pendaftaran adalah 357-02179864;
 - 2.4.3. KISB mempunyai ibu pejabat di alamat di Unipark Suria, Jalan Ikram-Uniten, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan;
 - 2.4.4. KISB mempunyai lapan (8) buah cawangan iaitu di Alor Setar, Perai, Ipoh, Skudai, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching;
 - 2.4.5. Nombor akaun rasmi KISB untuk tujuan pembayaran adalah 2-12022-4000505-0 (RHB Bank Cawangan Kajang); dan
 - 2.4.6. Nombor pendaftaran cukai *Goods & Services Tax* (GST) KISB dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah 001198071808 yang mana telah berkuat kuasa pada 1 April 2015.
 - 2.4.7. Ikram Premier Consulting Sdn. Bhd. (IPCSB) yang merupakan anak syarikat kepada KISB adalah dilantik untuk menjalankan perkhidmatan perundingan.

3. Tempoh Kuat Kuasa *Master Service Agreement*

- 3.1. Tempoh kuat kuasa kontrak ini adalah selama tiga (3) tahun mulai 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2018 dengan opsyen lanjutan selama dua (2) tahun tertakluk kepada prestasi baik.

4. Kebenaran Akses ke Tapak Oleh Agensi

- 4.1. Agensi hendaklah memberikan kerjasama sebaik mungkin kepada KISB terutamanya dalam memberi kebenaran memasuki tapak (termasuk kawasan larangan tertakluk mematuhi prosedur keselamatan yang ditetapkan) bagi memastikan pelaksanaan perkhidmatan dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

5. Kadar Bayaran Bagi Perkhidmatan KISB

- 5.1. Agensi hendaklah memastikan bahawa sebarang pembayaran ke atas tuntutan KISB bagi perkhidmatan yang telah selesai disempurnakan adalah berdasarkan kadar-kadar yang ditetapkan di bawah *Master Service Agreement* seperti berikut:
- 5.1.1. **Skala Yuran Piawai** : *Board of Engineers Malaysia (BEM) Scale of Fees (Revised 1998) {PU (B) 548}* seperti di [Lampiran A](#);
- 5.1.2. **Input Masa dan Imbuhan Balik** : Bab 5 dalam Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 (Pindaan Kedua) seperti di [Lampiran B](#); dan
- 5.1.3. **Jadual Kadar Harga** seperti di [Lampiran C](#).
- 5.2. Sekiranya kadar bagi sesuatu item baharu yang terlibat dengan pelaksanaan perkhidmatan kejuruteraan forensik (cerun & struktur berkaitan cerun) tidak dinyatakan dalam [Lampiran A](#), [Lampiran B](#) dan [Lampiran C](#), kadar bagi item tersebut hendaklah dirundingkan oleh Agensi dan KISB ke paras yang terendah dan munasabah dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh Surat Pelawaan.
- 5.3. Rundingan harga bagi item baharu yang terlibat hendaklah dibuat melalui satu jawatankuasa yang dilantik oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang diturunkan kuasa di mana korum jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang kompeten (termasuk pengerusi) di mana salah seorang ahli adalah daripada kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) dalam skim 'J'. Hasil rundingan harga tersebut hendaklah diminitkan dan dimuktamadkan oleh Lembaga Perolehan 'A' (LP'A') KKR.

- 5.4. Urusetia LP'A' KKR adalah bertanggungjawab melaksanakan *due diligence* bagi memastikan kadar harga bagi item baharu yang terlibat adalah tidak bertindih atau bercanggah dengan mana-mana kadar bagi item yang telah diluluskan sebelum ini oleh LP'A' KKR.
- 5.5. Sebarang kelulusan yang telah diberikan oleh LP'A' KKR bagi mana-mana item baharu hendaklah dengan segera dilampirkan dalam *Master Service Agreement* melalui *supplementary agreement* dan dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan (MOF) untuk tujuan pengemaskinian ke atas Jadual Kadar Harga di **Lampiran C** untuk dikuatkuasakan kepada Agensi.

6. Surat Pelawaan

- 6.1. Agensi hendaklah memastikan Surat Pelawaan seperti di **Lampiran D** hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu bagi mendapatkan perkhidmatan kejuruteraan forensik (cerun & struktur berkaitan cerun) dan penyeliaan tapak daripada pihak KISB. Sekiranya dalam tempoh empat belas (14) hari tiada maklum balas daripada KISB diperolehi, Surat Pelawaan tersebut adalah dengan sendirinya terbatal dan Agensi boleh menawarkan perkhidmatan yang sama kepada syarikat lain berdasarkan tatacara perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

7. Inden Kerja bagi pelaksanaan perkhidmatan kejuruteraan forensik (cerun & struktur berkaitan cerun)

- 7.1. Inden Kerja seperti di **Lampiran E** adalah merupakan dokumen rasmi untuk KISB memulakan perkhidmatan dan mengikat kedua-dua pihak. Sehubungan itu, Agensi hendaklah memastikan Inden Kerja ini adalah ditandatangani oleh pegawai Kerajaan yang telah diberi penurunan kuasa selaras dengan Akta Kontrak Kerajaan 1949 atau Akta Tubuh masing-masing.

8. Pelantikan Pengarah Projek dan Wakil Pengarah Projek bagi Pihak Agensi untuk Mengeluarkan Arahan atau Mengawal selia Perkhidmatan KISB

- 8.1. Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Pengarah Jabatan hendaklah melantik seorang Pengarah Projek dan Wakil Pengarah Projek daripada kalangan kumpulan pengurusan dan profesional. Wakil Pengarah Projek hendaklah terdiri daripada kalangan pegawai berkeelayakan teknikal. Pengarah Projek dan Wakil Pengarah Projek yang dilantik adalah bertanggungjawab bagi pihak Agensi untuk melaksanakan obligasi Kerajaan termasuk mengeluarkan arahan dan mengawal selia perkhidmatan kejuruteraan forensik (cerun dan struktur berkaitan cerun) yang dilaksanakan oleh KISB.

- 8.2. Sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Wakil Pengarah Projek sama ada secara lisan atau bertulis hendaklah mendapatkan persetujuan daripada Pengarah Projek terlebih dahulu. Sekiranya arahan/persetujuan telah dikeluarkan secara lisan, arahan/persetujuan tersebut hendaklah disusuli secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari.

9. Tanggungjawab Pengarah Projek dan Wakil Pengarah Projek

- 9.1. Pengarah Projek dan Wakil Pengarah Projek adalah diberi kuasa untuk mengeluarkan arahan dan mengawal selia perkhidmatan KISB bagi memastikan Inden Kerja yang telah ditandatangani dapat dilaksanakan dengan teratur. Walau bagaimanapun, Wakil Pengarah Projek hendaklah mendapatkan persetujuan awal daripada Pengarah Projek sebelum arahan dikeluarkan.

10. Arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Projek atau Wakil Pengarah Projek

- 10.1. Semua arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Projek atau Wakil Pengarah Projek kepada KISB secara lisan hendaklah dengan segera disusuli secara bertulis tidak melebihi tujuh (7) hari dan direkodkan.
- 10.2. Semua arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Projek atau Wakil Pengarah Projek kepada KISB dalam mesyuarat hendaklah dengan segera diminitkan dan minit mesyuarat hendaklah disahkan oleh pengerusi mesyuarat dan wakil KISB yang hadir dalam tempoh tidak melebihi tujuh (7) hari serta direkodkan.

11. Penyerahan sepenuh atau sebahagian skop perkhidmatan oleh KISB kepada pihak ketiga (*subcontracting*)

- 11.1. ***Subcontracting* oleh KISB adalah tidak dibenarkan.** Agensi hendaklah melaporkan kepada JKR dan MOF sekiranya didapati berlaku sebarang *subcontracting* oleh KISB.
- 11.2. Walau bagaimanapun, KISB adalah dibenarkan untuk melantik kakitangan sementara bagi mengatasi kekangan kepakaran atau kekangan kakitangan untuk memastikan pelaksanaan perkhidmatan/projek tidak terganggu dan dapat berjalan dengan lancar. Namun demikian, sebarang kecuaiian atau kegagalan dalam melaksanakan perkhidmatan oleh mana-mana kakitangan tetap atau kakitangan sementara KISB adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab KISB.

12. Pentadbir MSA

- 12.1. KKR telah dilantik oleh Kerajaan selaku pentadbir *Master Service Agreement* di mana salah satu tanggungjawabnya adalah untuk menjalankan siasatan

pada bila-bila masa ke atas perkhidmatan yang dilaksanakan oleh KISB. Sehubungan itu, Bon Pelaksanaan (BP) dan *Professional Indemnity Insurance* (PII) bagi *Master Service Agreement* ini telah diletakkan di bawah pegangan KKR. KKR berhak memotong sebahagian/sepenuhnya amaun BP atau/dan PII tersebut sekiranya didapati melalui aduan Agensi, KISB gagal mematuhi, memenuhi dan melaksanakan obligasi yang telah ditetapkan dalam Inden Kerja.

- 12.2. Sebarang tuntutan ke atas BP atau/dan PII oleh Agensi akibat daripada kegagalan KISB melaksanakan obligasi yang ditetapkan dalam Inden Kerja, tuntutan tersebut hendaklah dibuat melalui permohonan rasmi kepada KKR untuk pertimbangan.

13. Proses pelaksanaan perkhidmatan kejuruteraan forensik (cerun & struktur berkaitan cerun) oleh KISB

- 13.1. Agensi hendaklah memastikan tatacara pelaksanaan perkhidmatan kejuruteraan forensik (cerun & struktur berkaitan cerun) KISB adalah mematuhi carta alir seperti di **Lampiran F**. Penjelasan ke atas carta alir tersebut adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

Perkara	Mengkaji Kestabilan Cerun	Kegagalan Cerun (Kecemasan)
Peringkat 1 : Surat Pelawaan oleh Agensi	<u>Surat Pelawaan</u> - Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Pelawaan kepada KISB untuk mengenal pasti cerun yang dijangkakan akan gagal dengan melihat tanda-tanda awal kegagalan cerun seperti keretakan di cerun, keretakan di bangunan dan struktur berkaitan cerun, kehilangan air paip, paip bocor, kehilangan air dalam parit yang berpunca daripada pergerakan tanah.	<u>Inden Kerja</u> - Sekiranya Agensi mengenal pasti terdapatnya sebarang kegagalan cerun yang mengancam nyawa dan harta benda awam, Agensi hendaklah memaklumkan situasi tersebut dengan segera kepada KISB untuk membuat tinjauan tapak. Sekiranya arahan telah dikeluarkan secara lisan terlebih dahulu, arahan tersebut hendaklah disusuli dengan Inden Kerja dalam tempoh tujuh (7) hari.
Peringkat 2 : Tindakan oleh KISB	<u>Tinjauan Tapak</u> - KISB akan menjalankan <i>desk study</i> bagi mendapatkan data ukur, maklumat projek dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan dan seterusnya membuat lawatan tapak. <u>Laporan Awal</u> - KISB akan menyediakan perkara-perkara berikut dalam tempoh empat belas (14) hari daripada Surat Pelawaan untuk semakan dan pertimbangan Agensi : - o Laporan Awal yang mengandungi	<u>Tinjauan Tapak</u> - KISB akan dengan segera menggerakkan kumpulan tindakan ke tapak untuk menentukan keselamatan dan kestabilan struktur yang dilaporkan oleh Agensi. - Masa tindakan (<i>response time</i>) oleh KISB untuk ke tapak adalah seperti berikut: - o Jarak tapak dari ibu pejabat/cawangan IKRAM berhampiran sehingga 50 km ▪ masa tindakan hendaklah dalam

Perkara	Mengkaji Kestabilan Cerun	Kegagalan Cerun (Kecemasan)
	rekod-rekod terdahulu seperti rekod geoteknikal, penyiasatan tapak, pemantauan instrumentasi, pelan tapak, reka bentuk cerun, dan lain-lain maklumat yang berkaitan; dan ○ Cadangan Teknikal dan Kewangan (CTK) yang turut mengandungi Jadual Pelaksanaan Kerja.	tempoh 3 jam dari arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Projek/ Wakil Pengarah Projek. ○ dari ibu pejabat/cawangan IKRAM berhampiran melebihi 50 km ▪ masa tindakan hendaklah dalam tempoh 24 jam (kecuali bagi kawasan terpencil adalah dalam tempoh 48 jam) dari arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Projek/ Wakil Pengarah Projek. Laporan Awal - KISB akan menyediakan perkara-perkara berikut: ○ Laporan Awal dalam tempoh tiga (3) jam selepas tiba di kawasan yang terjejas dengan menyediakan nota ringkas merangkumi: ▪ Lokasi dan masa kejadian; ▪ Punca-punca kejadian; ▪ Langkah-langkah yang telah diambil demi keselamatan orang awam; ▪ Peringatan kepada orang ramai mengenai keselamatan; dan ▪ Gambar-gambar awal. ○ CTK yang turut mengandungi Jadual Pelaksanaan Kerja.
Peringkat 3 : Keputusan Agensi	- Sekiranya Agensi bersetuju ke atas CTK yang dikemukakan oleh KISB, arahan memulakan perkhidmatan hendaklah dikeluarkan melalui Inden Kerja.	- Agensi membuat penilaian ke atas CTK dan mengarahkan KISB untuk memulakan perkhidmatan kejuruteraan forensik.
Peringkat 4 : Penyiasatan Forensik Tapak	- KISB akan melaksanakan perkara berikut: ○ penilaian ke atas struktur cerun yang gagal; ○ penyiasatan ke atas permukaan tanah; ○ penyiasatan di dalam tanah; ○ pemasangan instrumen-instrumen yang diperlukan bagi tujuan pemantauan cerun yang telah runtuh untuk mengenal pasti keadaan pergerakan cerun sama ada masih aktif atau sebaliknya; dan ○ melaksanakan ujian makmal ke atas sampel-sampel yang diperolehi daripada tapak.	
Peringkat 5 : Analisa Data dan Reka Bentuk oleh KISB	- KISB akan menganalisa data yang dikumpulkan untuk mencadangkan sekurang-kurangnya tiga (3) pilihan konsep reka bentuk berserta anggaran kos.	
Peringkat 6 : Pemilihan Reka Bentuk oleh Agensi	- Pengarah Projek bertanggungjawab membuat pilihan daripada 3 konsep reka bentuk yang dikemukakan.	

Perkara	Mengkaji Kestabilan Cerun	Kegagalan Cerun (Kecemasan)
Peringkat 7 : Penyediaan Reka Bentuk Terperinci & Dokumen Tender Kerja	- Setelah pemilihan konsep reka bentuk dibuat oleh Pengarah Projek, KISB akan melaksanakan kerja-kerja reka bentuk terperinci dan penyediaan Dokumen Meja Tender (TTD). TTD tersebut hendaklah dinyatakan dengan jelas keperluan pengemukaan sijil waranti bagi bahan-bahan pembinaan yang dibekalkan oleh kontraktor.	
Peringkat 8 : Laporan akhir dan tuntutan akhir	- Agensi hendaklah memastikan perenggan 24 adalah dipatuhi sebelum pembayaran tuntutan akhir KISB dibuat.	
Peringkat 9 : Peringkat Pemantauan oleh KISB	- Sekiranya kerja-kerja pembinaan diluluskan oleh Kerajaan dalam tempoh MSA berkuat kuasa, Agensi hendaklah mengeluarkan Inden Kerja kepada KISB. - Sebarang pembayaran ke atas tuntutan KISB bagi penyeliaan tapak yang dibuat hendaklah mematuhi perenggan 24 .	

13.2. Terma rujukan terperinci bagi pelaksanaan perkhidmatan kejuruteraan forensik (cerun & struktur berkaitan cerun) oleh KISB adalah seperti di **Lampiran G**.

14. Perkhidmatan reka bentuk

- 14.1. Agensi hendaklah melalui KISB memastikan IPCSB memberi jaminan bahawa reka bentuk yang disediakan adalah bersesuaian, berfungsi, selamat digunakan, mematuhi piawaian dan spesifikasi perkhidmatan yang ditetapkan serta mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkaitan.
- 14.2. Agensi hendaklah melalui KISB memastikan semua reka bentuk, pengiraan, lukisan dan dokumen yang berkaitan adalah disahkan dan ditandatangani oleh pemilik/lembaga pengarah IPCSB yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia sebagai Jurutera Bertauliah.
- 14.3. Agensi hendaklah memastikan IPCSB tidak dibenarkan tanpa sebarang kelulusan awal oleh Agensi, membuat sebarang perubahan ke atas reka bentuk yang telah dipersetujui atau mengeluarkan arahan perubahan kerja yang boleh mengakibatkan pertambahan kos projek, kecuali arahan perubahan kerja tersebut adalah disebabkan oleh kecemasan dan sebarang kelewatan dalam melaksanakan perubahan kerja akibat kecemasan tersebut, akan mengakibatkan tuntutan ke atas Kerajaan atau membahayakan nyawa dan harta benda. Kelulusan arahan perubahan kerja yang dilaksanakan disebabkan kecemasan tersebut hendaklah diperolehi daripada Pengarah Projek secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh arahan dikeluarkan.

- 14.4. Sekiranya terdapat sebarang kecacatan/kerosakan ke atas kerja-kerja pembinaan yang memerlukan perubahan kerja disebabkan oleh kekurangan/kesilapan reka bentuk, Agensi hendaklah mengeluarkan notis pembaikan kecacatan/kerosakan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan dan sebarang kos yang terlibat adalah ditanggung sendiri oleh KISB.
- 14.5. Sekiranya kerja pembaikan tersebut tidak dilaksanakan dan seterusnya telah mengakibatkan kerugian/kerosakan kepada Kerajaan, Agensi berhak membuat tuntutan kos yang terlibat daripada KISB.
- 14.6. Sekiranya kerja-kerja pembaikan tersebut telah diambil alih oleh Kerajaan, sebarang kos yang terlibat bagi membiayai pembaikan tersebut hendaklah dibuat penolakan daripada baki bayaran kemajuan perkhidmatan KISB. Jika penolakan tersebut tidak dapat dilaksanakan disebabkan baki bayaran tidak mencukupi, tuntutan seterusnya hendaklah diperolehi daripada PII melalui permohonan rasmi kepada KKR sekiranya melibatkan kecuai/kesilapan reka bentuk atau daripada BP sekiranya melibatkan selain daripada kecuai/kesilapan reka bentuk.

15. Pertukaran atau Penggantian Kakitangan KISB

- 15.1. Agensi hendaklah memastikan sebarang pertukaran/penggantian ke atas kakitangan KISB yang terlibat di dalam pelaksanaan perkhidmatan kejuruteraan forensik hendaklah mendapat kelulusan daripada Pengarah Projek atau Wakil Pengarah Projek dalam tempoh tujuh (7) hari.

16. Laporan Penilaian Prestasi Perkhidmatan KISB oleh Agensi

- 16.1. Pengarah Projek atau Wakil Pengarah Projek adalah bertanggungjawab untuk membuat penilaian ke atas prestasi perkhidmatan KISB sebaik sahaja perkhidmatannya telah selesai disempurnakan melalui Borang Penilaian Prestasi Perkhidmatan Syarikat di **Lampiran H** dan dikemukakan kepada Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC), JKR untuk tujuan rekod.
- 16.2. Sekiranya berlaku sebarang kegagalan selepas projek siap yang melibatkan perkhidmatan KISB, Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab dengan segera kepada KISB untuk mengemukakan laporan punca kegagalan dan kaedah mengatasi kegagalan tersebut. Sekiranya kegagalan tersebut adalah berpunca daripada kelemahan/kecuai/kesilapan daripada KISB, Agensi hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada MOF melalui Borang Aduan (Borang KKM-BA 2010) yang boleh diperolehi daripada **PK8** dan disalinkan kepada Lembaga Profesional untuk tindakan tatatertib.

17. Laporan, dokumen, maklumat dan rekod (*Deliverables*)

- 17.1. Agensi hendaklah memastikan semua *deliverables* yang terlibat bagi sesuatu perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah sentiasa dikemas kini dan diserahkan oleh KISB kepada Agensi pada bila-bila masa ia diperlukan. Kerajaan berhak membuat semakan dan salinan ke atas rekod-rekod maklumat yang berkaitan dari masa ke semasa untuk tujuan auditan ke atas prestasi perkhidmatan KISB.

18. Penyeliaan tapak

- 18.1. Agensi hendaklah memastikan KISB bertanggungjawab untuk menyelia pelaksanaan kerja-kerja bagi projek pembangunan fizikal yang melibatkan pembinaan/pembaikan cerun. Sehubungan itu, sebarang urusan yang berkaitan hendaklah dibuat melalui Pegawai Penguasa (*Superintending Officer – SO*) atau Wakil SO bagi kontrak kerja tersebut.

19. Menahan Daripada Membuat Bayaran Kepada KISB

- 19.1. Agensi berhak menahan daripada membuat bayaran kepada KISB sekiranya perkhidmatan yang diberikan adalah didapati tidak sempurna sepertimana ditetapkan dalam Inden Kerja. Namun demikian, KISB adalah dibenarkan untuk membuat rayuan dalam tempoh empat belas (14) hari dengan disertakan dokumen sokongan sebagai bukti.

20. Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages - LAD*)

- 20.1. Sekiranya KISB gagal melaksanakan perkhidmatan yang diarahkan mengikut tempoh yang ditetapkan, Agensi hendaklah mengenakan LAD di mana kelewatan adalah dikira bermula dari tarikh akhir perkhidmatan perlu diselesaikan sehingga tarikh perkhidmatan sebenar siap dilaksanakan oleh KISB. Agensi hendaklah memastikan kelewatan/ kegagalan tersebut adalah bukan disebabkan oleh kelewatan di pihak Agensi atau *force majeure*.
- 20.2. LAD yang dikenakan tersebut hendaklah dikira secara harian bagi sekurang-kurangnya **tiga (3) peringkat yang melibatkan *initial report/preliminary report, tender documentation* dan *final report*** :

20.2.1. Kadar LAD sehari

$$\frac{\text{Base Rate} \times \text{Anggaran kos perkhidmatan di Inden Kerja}}{365}$$

(tertakluk kadar minimum sehari adalah RM100)

20.2.2. Kadar *Base Rate* yang digunakan

- (a) *Base Rate* yang digunakan adalah berdasarkan tarikh tandatangan di Bahagian A dalam Inden Kerja.

21. Lanjutan masa perkhidmatan

- 21.1. Agensi adalah dibenarkan untuk memberi pertimbangan terhadap lanjutan masa perkhidmatan sekiranya dipohon oleh KISB tertakluk kelewatan tersebut adalah tidak berpunca daripada pihak KISB. Walau bagaimanapun, jika Agensi bersetuju meluluskan lanjutan masa tersebut, KISB tidak berhak menuntut sebarang kerugian dan perbelanjaan (*loss & expense*) yang terlibat.

22. Penangguhan dan penyambungan semula perkhidmatan (*suspension and resumption of services*)

- 22.1. Sekiranya terdapat keperluan untuk menangguh sepenuhnya atau sebahagian skop perkhidmatan, Pengarah Projek atau Wakil Pengarah Projek hendaklah dengan segera memaklumkan perkara tersebut kepada KISB secara bertulis.
- 22.2. Sekiranya arahan penangguhan yang dikeluarkan adalah melibatkan sebahagian skop perkhidmatan sahaja, Agensi hendaklah memastikan KISB meneruskan obligasinya ke atas skop perkhidmatan lain yang tidak terlibat dengan arahan penangguhan tersebut.
- 22.3. Sekiranya arahan penangguhan berlanjutan melebihi 12 bulan, Agensi dan KISB boleh menamatkan Inden Kerja tersebut secara bersama dan bayaran hendaklah dibuat setakat mana perkhidmatan telah selesai disempurnakan.
- 22.4. Sekiranya arahan penyambungan semula dikeluarkan, Agensi hendaklah memastikan sebarang kos yang terlibat berkaitan *abortive work* yang perlu dibuat semula adalah ditanggung sepenuhnya oleh KISB.

23. Penamatan perkhidmatan KISB

- 23.1. Agensi berhak menamatkan Inden Kerja sekiranya KISB gagal mengambil tindakan remedi ke atas kemungkiran selepas tempoh empat belas (14) hari notis dikeluarkan oleh Agensi. Penamatan Inden Kerja tersebut hanya boleh dibuat sekiranya KISB tanpa justifikasi munasabah melaksanakan perkara-perkara berikut:
- 23.1.1. Menangguhkan pelaksanaan perkhidmatan dan gagal meneruskan kerja dengan tekun sebagaimana obligasi dalam Inden Kerja;

- 23.1.2. Gagal melaksanakan semua/ sebahagian perkhidmatan atau secara berterusan mengabaikan obligasi dalam Inden Kerja;
 - 23.1.3. Mungkir dalam melaksanakan tanggungjawab sebagaimana dinyatakan di pekeling; atau
 - 23.1.4. Tidak mematuhi sebahagian/semua obligasi yang ditetapkan dalam Inden Kerja.
- 23.2. Agensi hendaklah memastikan penamatan Inden Kerja tersebut hendaklah dilaporkan dengan segera kepada CKC, JKR. KISB tidak berhak menuntut sebarang kerugian termasuk kerugian ke atas kehilangan keuntungan, kerosakan, atau sebarang tuntutan lain selepas penamatan Inden Kerja tersebut.

24. Invois dan Terma Bayaran

- 24.1. Agensi hendaklah memastikan semua perkhidmatan yang telah sempurna diselesaikan oleh KISB hendaklah dibayar dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh invois bercukai (*tax invoice*) berserta dokumen sokongan berkaitan yang diterima oleh Agensi dan dibuat berdasarkan ketetapan berikut:
- 24.1.1. Mengikut kemajuan perkhidmatan yang telah disiapkan sehingga maksimum 95% termasuk laporan akhir yang telah disahkan oleh Pengarah Projek atau Wakil Pengarah Projek; dan
 - 24.1.2. Baki bayaran sebanyak 5% pula hanya boleh dilepaskan setelah semua dokumen berkaitan telah dilengkapkan dan diserahkan oleh KISB kepada JKR termasuk Borang Penilaian Prestasi Perkhidmatan Syarikat yang telah dinilai seperti di [Lampiran H](#). Bukti penyerahan dokumen kepada JKR hendaklah dilampirkan bersekali dengan tuntutan baki bayaran ini oleh KISB kepada Agensi.
- 24.2. Agensi hendaklah memastikan jumlah anggaran kos perkhidmatan yang dinyatakan di Bahagian A dalam Inden Kerja adalah tidak termasuk kenaan cukai barangan & perkhidmatan (*Goods & Services Tax - GST*). Walau bagaimanapun, GST hendaklah dikenakan bagi jumlah sebenar perkhidmatan yang dituntut oleh KISB seperti dinyatakan di Bahagian D dalam Borang Arahan Kerja.

25. Pertikaian di antara Kerajaan dengan KISB

- 25.1. Sebarang pertikaian di antara KISB dengan Pengarah Projek atau Wakil Pengarah Projek hendaklah cuba diselesaikan sebaik mungkin oleh kedua-

dua pihak. Sekiranya persetujuan tidak dapat dicapai oleh kedua-dua pihak dalam tempoh tujuh (7) hari, pertikaian tersebut hendaklah seterusnya dirujuk kepada CKC, JKR.

- 25.2. Sekiranya tiada keputusan diperolehi daripada CKC, JKR dalam tempoh tujuh (7) hari atau keputusan yang dibuat tidak dipersetujui oleh KISB, pertikaian seterusnya hendaklah dirujuk kepada *Contract Coordination Panel* (CCP) KKR.
- 25.3. Sekiranya tiada keputusan diperolehi daripada CCP KKR dalam tempoh empat belas (14) hari atau keputusan yang dibuat masih tidak dipersetujui oleh KISB, pertikaian tersebut hendaklah dirujuk kepada Timbangtara (*Arbitration*).

26. Perkhidmatan KISB setelah *Master Service Agreement* Tamat

- 26.1. Sekiranya tempoh perkhidmatan KISB yang ditetapkan dalam Inden Kerja telah melangkaui tarikh tamat *Master Service Agreement* ini, Agensi hendaklah meneruskan baki perkhidmatan KISB tersebut sehingga ianya selesai disempurnakan tertakluk kepada Inden Kerja telah dikeluarkan oleh Agensi sebelum tarikh tamat *Master Service Agreement*.

LAMPIRAN

**Board of Engineers Malaysia (BEM)
Scale of Fees
(Revised 1998) {PU (B) 548}**

P.U. (B) 548.**REGISTRATION OF ENGINEERS ACT 1967****NOTIFICATION OF SCALE OF FEES**

IN exercise of the powers conferred by paragraph 4(1)(d) of the Registration of Engineers Act 1967 [Act 138], the Board of Engineers, with the approval of the Minister, fixes the following scale of fees to be charged by registered Professional Engineers for professional advice or services rendered:

- (i) Subject to paragraph 2, every consulting engineer who is engaged by a client to perform any of the professional services described in Part A shall be paid in accordance with the scale of fees described in Part B in addition to the other payments described in Part C.
- (ii)
 - (1) Notwithstanding paragraph 1 and if the consulting engineer is being paid in accordance with sub-subparagraph 1(1)(a) of the scale of fees described in Part B, the scale of fees provided in Table A of sub- subparagraph 1(1)(e) of Part B shall not apply to buildings in housing development works.
 - (2) For housing development works, if the buildings are not more than four storeys high, the "Scale of Fees for Housing Development" published on 24th July 1997 under *Gazette* Notification No. P.U. (B) 288/1997 shall apply.
- (iii) In this Notification, unless the context otherwise requires -

"architect" means the architect appointed by the client to act as architect for the building works;

"builder's work drawings" means the drawings prepared by the contractor for approval by the consulting engineer which show details of work of a structural nature which is required to be carried out by a builder or other party to facilitate the execution of the engineering systems in the buildings;

"consulting engineer" means any Professional Engineer or body corporate, partnership or sole-proprietorship practising as consulting engineers engaged by the client to provide professional services;

"contractor" means any person, firm or company engaged under a contract with the client to perform any work or to supply goods in connection with the works or both, and includes a sub-contractor;

"cost of works" means the cost to the client of the works however incurred including-

- (a) any payment (before deduction of any amount of liquidated damages or penalties payable by the contractor to the client) made by the client to the contractor by way of bonus, incentive or ex-gratia payments or in settlement of claims;
- (b) a fair valuation of any labour, materials, manufactured goods, machinery or other facilities provided by the client, and of the full benefit accruing to the contractor from the use of any construction plant and equipment belonging to the client which the client has required the contractor to use in the execution of the works;
- (c) the market value, as if purchased new, of any second-hand materials, manufactured goods and machinery incorporated in the works;
- (d) the cost of geotechnical investigations; and
- (e) a fair proportion of the total cost to the client of any work executed in connection with the provision or diversion of public utilities systems which is carried out, other

than by the contractor, under arrangements made by the consulting engineer, assessed with reference to the cost incurred by the consulting engineer in making such arrangements,

but shall not include-

- (aa) the administration expenses incurred by the client;
- (bb) the costs incurred by the client under the agreement between the client and the consulting engineer for professional services for the works;
- (cc) the interest on capital during construction, and the cost of raising moneys for carrying out the construction of the works;
- (dd) the cost of land and wayleaves; and
- (ee) the price variation arising from the escalation of prices as may be provided in the works contract;

“engineering system” means all mechanical and electrical services, plant and equipment installed within a building lot, and comprises as may be required such items as are listed below:

- (a) the lighting, power and electrical distribution system;
- (b) the air-conditioning and mechanical ventilation system;
- (c) the fire-fighting and prevention system;
- (d) the stage lighting system and mechanism;
- (e) the hot and cold water system;
- (f) the steam generating system;
- (g) the gas distribution system;
- (h) the telephone distribution and intercommunication system;
- (i) the lightning protection system;
- (j) the electrical sub-station;
- (k) the public address system, personnel location and call system;
- (l) the radio and television system;
- (m) the security system;
- (n) the lift, hoist, dumbwaiter and escalator;
- (o) the standby generator;
- (p) the soil and waste water piping system;
- (q) the pumping installation within the building;
- (r) the integrated building management system;
- (s) the compressed air and vacuum system; and
- (t) the refrigeration and cooling water system;

“installation drawings” means the drawings, prepared by the contractor for approval by the consulting engineer, which show details of the contractor’s proposals for the execution of the engineering system;

“multiplier” means a factor derived from the elements covering -

- (a) the annual salary;
- (b) the fringe benefits including benefits from bonuses, the Employee’s Provident Fund, Social Security Organisation, staff savings fund, subscriptions to professional institutions, leave, medical aid and insurances, seminars, conferences and workshops;
- (c) the office administrative charges and expenses including rentals, telephone and telex, facsimile and postal charges, stationery, subscriptions to journals, promotion, training and scholarships, transport costs, legal and audit fees, bank charges and idle time; and
- (d) the profits;

and, in the case of site staff recruited especially for the project, the multiplier shall be derived from the elements covering the annual salary, gratuity, benefits from the Employee’s Provident Fund and Social Security Organisation, medical aid, insurance, overhead costs and profit only;

“project” means the project of which the works form a part;

“Memorandum of Agreement” means the Memorandum of Agreement entered into between the client and the consulting engineer in connection with the provision of professional services for the works;

“quantity surveyor” means the quantity surveyor appointed by the client to act as the quantity surveyor for the building works;

“record drawings” means drawings, prepared by the contractor for approval by the consulting engineer, which show clearly the general scheme and the details of the engineering system in the building as completed;

“salary cost” means the annual salary of a person employed by the consulting engineer divided by 1800 (this being deemed to be the average annual total of effective working hours of an employee) and multiplied by the number of working hours spent by the person in performing any of the services in respect of which payment is to be made to the consulting engineer upon the basis of salary cost; and for the purpose of this definition, the annual salary of a person for a period of less than a full year shall be calculated *pro rata* to the person’s salary for such lesser period;

“structural engineering works in buildings” means all works in structural reinforced concrete, prestressed concrete, steel, timber and other materials or a combination of any of these, which are designed to transmit the weight of, and the loads on, the building to the ground and includes the foundations and excavations connected with them;

“tender drawings” means the drawings prepared by the consulting engineer in sufficient detail to enable those persons tendering to interpret correctly the design of the works and to submit competitive tenders for the execution of the works;

“the works” means the works in connection with which the client has engaged the consulting engineer to perform professional services, and which may comprise -

- (a) Type A works, namely, civil and structural engineering works (other than structural engineering works in buildings), mechanical engineering works and electrical engineering works (other than the engineering systems in buildings);
- (b) Type B works, namely, structural engineering works in buildings of more than four storeys high; and/or
- (c) Type C works, namely, engineering systems in buildings of more than four storeys high.

PART A**PROFESSIONAL SERVICES****1. (1) Basic Professional Services (for civil and structural engineering works other than structural engineering works in buildings, mechanical engineering works and electrical engineering works other than the engineering systems in buildings)**

The professional services to be rendered by the consulting engineer in this paragraph comprise the provision of all technical advice and skills which are normally required for the works for which the consulting engineer has been engaged.

(a) Preliminary Stage

The professional services to be rendered by the consulting engineer in this paragraph comprise the provision of all technical advice and skills which are normally required for the works for which the consulting engineer has been engaged.

- (i) investigating data and information relevant to the works and considering any reports relating to the works;
- (ii) advising the client on making any further topographical survey of the proposed site of the works which may be necessary to supplement available topographical information;
- (iii) advising the client on the need to carry out any geotechnical investigation which may be necessary to supplement the available geotechnical information, arranging for the investigation, certifying the amount of any payments to be made by the client to the persons, firms or companies carrying out the investigation under the consulting engineer's direction, and advising the client on the results of the investigation;
- (iv) advising the client on the need for arrangements to be made, in accordance with subparagraph 2(1) of this Part, for the carrying out of special surveys, special investigations or model tests and advising the client of the results of any such surveys, investigations or tests carried out;
- (v) consulting any local or other approving authorities on matters of principle in connection with the works;
- (vi) consulting any architect appointed by the client in connection with the architectural treatment of the works; and
- (vii) preparing such reports and documents as are reasonably necessary to enable the client to consider the consulting engineer's proposals, including alternative proposals, for the construction of the works in the light of the investigations carried out by him at this stage, and to enable the client to apply for approval in principle from the appropriate authorities for the execution of the works in accordance with the proposals.

(b) Design Stage

The professional services to be provided by the consulting engineer at this stage comprise all or any of the following as may be necessary in a particular case:

- (i) preparing designs, including reinforced concrete and structural steel work designs, and tender drawings in connection with the works; and
- (ii) preparing such conditions of contract, specifications, schedules and bills of quantities as may be necessary to enable the client to obtain tenders or otherwise award a contract for carrying out the works.

(c) *Tender Stage*

The professional services to be provided by the consulting engineer at this stage comprise advising the client as to the suitability for carrying out the works of the persons, firms or companies tendering and as to the relative merits of the tenders, but excluding the relative merits of alternative tenders, prices and estimates received for carrying out the works.

(d) *Construction Stage*

The professional services to be provided by the consulting engineer at this stage comprise all or any of the following as may be necessary in a particular case:

- (i) advising on and preparing formal contract documents, including the letter of acceptance for carrying out the works or any part of them;
- (ii) inspecting and testing during manufacture and installation such electrical and mechanical materials, machinery and plant supplied for incorporation in the works as are necessary where the inspection and test are within the technical competence of the consulting engineer, and arranging and witnessing the acceptance test;
- (iii) advising the client on the need for a special inspection or test other than that referred to in sub-sub-paragraph 1(1)(d)(ii) of this Part;
- (iv) advising the client on the appointment of site staff in accordance with paragraph 3 of this Part;
- (v) preparing any further designs and drawings relating to the works;
- (vi) examining and approving the contractor's proposals and his working drawings relating to the works;
- (vii) making such visits to the site as the consulting engineer considers necessary to satisfy himself as to the performance of any site staff appointed pursuant to paragraph 3 of this Part and to satisfy himself that the works are executed generally according to contract or otherwise in accordance with good engineering practice;
- (viii) giving all necessary instructions relating to the works to the contractor;
- (ix) issuing all certificates as are required in the contract;
- (x) performing any duties which the consulting engineer may be required to carry out under any document which he has prepared for the execution of the works;
- (xi) delivering to the client on the completion of the works such records and manufacturer's manuals as are reasonably necessary to enable the client to operate and maintain the works; and

- (xii) deciding any dispute or difference arising between the client and the contractor in connection with the works and submitted to the consulting engineer for his decision, provided that this professional service shall not extend to advising the client following the taking of any step in or towards any arbitration or litigation in connection with the works.

1. (2) Basic Professional Services (for structural engineering works in buildings)

The professional services to be rendered by the consulting engineer in this paragraph comprise the provision of all technical advice and skills which are normally required for the works for which the consulting engineer has been engaged.

(a) Preliminary Stage

The professional services to be provided by the consulting engineer at this stage comprise all or any of the following as may be necessary in a particular case:

- (i) investigating data and information relevant to the works and considering any reports relating to the works;
- (ii) advising the client on making any further topographical survey of the proposed site of the works which may be necessary to supplement available topographical information;
